

SOALAN NO: 44

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dr. Ismail bin Daut [Merbok]

TARIKH : 27 Mac 2018

**SOALAN : Dr. Ismail bin Daut minta MENTERI
PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS
TANI menyatakan:-**

**adakah elaun dan subsidi minyak para
nelayan akan dinaikkan. Ini kerana para
nelayan tidak mempunyai pendapatan
yang tetap dan stabil.**

99

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui jabatan dan agensi di bawahnya telah menyediakan pelbagai bentuk bantuan kepada golongan nelayan dalam usaha untuk memastikan industri perikanan negara berada di dalam keadaan baik dan nasib masyarakat nelayan terus terbela.

Di antara bantuan serta program yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan khususnya kepada para nelayan termasuk:

- i. Pemberian subsidi diesel dan petrol bagi menampung sebahagian kos operasi penangkapan ikan;
- ii. Pinjaman mudah dana nelayan bagi meningkatkan keupayaan bot, peralatan menangkap ikan sedia ada dan pembelian bot serta peralatan menangkap ikan baharu;
- iii. Pemberian insentif hasil penangkapan ikan bagi menggalakkan pendaratan ikan dalam negara;
- iv. Bantuan penyediaan premis, infrastruktur, peralatan, mesin pemprosesan dan benih melalui Program Azam Tani dan *touch point*;

- v. Pemberian elaun sara hidup nelayan secara bulanan serta perlindungan insurans; dan
- vi. Latihan pembangunan modal insan, keusahawanan, teknikal dan khidmat sokongan.

Berdasarkan kepada usaha-usaha yang telah dilaksanakan tersebut, Kementerian ini yakin bahawa bantuan yang telah diberikan adalah mencukupi bagi membantu meringankan kos sara hidup nelayan.